

Penjualan aset tenaga 1MDB tidak beri impak kepada pasaran, kata Zeti
Malaysian Insider
Dec 1, 2015

Tindakan 1Malaysia Development Bhd menjual aset tenaganya kepada firma China, tidak akan memberi sebarang impak kepada pasaran, kata Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Katanya, ini kerana sistem kewangan negara yang sememangnya luas.

"Pasaran tukaran asing kita juga besar. Setakat ini berdasarkan pemantauan kita, transaksi tunggal tidak memberi impak kepada pasaran.

"Hanya transaksi kumulatif yang akan memberi kesan terhadap pasaran," katanya selepas merasmikan Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Iclif Asia 2015, di Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kemungkinan impak yang berlaku susulan tindakan sayap tenaga 1MDB, Edra Global Energy Bhd, menjual semua asetnya kepada China General Nuclear Power Corp dan unitnya (CGN Group) bernilai RM9.83 bilion.

Zeti turut menyifatkan sistem perbankan Malaysia baik serta kukuh dengan penampan modal yang besar manakala susut nilai pinjaman pula rendah sebanyak 1.5%.

Mengulas siasatan terhadap 1MDB, beliau berkata ia setakat ini mencatat perkembangan.

"Kita sudah menyiapkan siasatan itu. Pada masa ini, ada beberapa perkembangan dalam tindakan yang kita ambil dan melibatkan beberapa kelulusan yang diberikan kepada mereka," katanya. – Bernama, 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penjualan-aset-tenaga-1mdb-tidak-beri-impak-kepada-pasaran-kata-zeti>